


# Abim desak Mahathir sekat seluar dalam corak kalimah tauhid

KUALA LUMPUR, Rabu — Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) semalam menyeru Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, menyekat kemasukan sejenis seluar dalam lelaki yang dikatakan bercorak kalimah tauhid La Illaha Illallah di dalam huruf Kufi yang sedang dijual di gedung-gedung pakaian di seluruh England.



■ Gambar sehelai seluar dalam dengan kalimah tauhid huruf Kufi sebagai coraknya.

Pakaian tersebut dipasarkan oleh sebuah gedung pakaian terkenal yang dipunyai oleh orang-orang Yahudi di London, kata ABIM dalam suratnya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

## Sekatan

Menurut Setiausaha ABIM, Encik Kamaruddin Mohamad Noor, perbuatan mencorakkan kalimah tauhid pada seluar dalam itu adalah satu penghinaan yang tidak terkira besarnya kepada umat Islam.

Oleh itu beliau berharap pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dapat mengambil langkah menyekat kemasukan seluar dalam itu ke negara ini dengan segera.